

# Tiada alasan penjawat awam terbabit rasuah selepas gaji naik

Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed  
bhrencana@bh.com.my

**Pengumuman kenaikan gaji lebih 13 peratus untuk penjawat awam mulai 1 Disember ini seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim wajar direnungi kembali seluruh anggota penjawat awam.**

Di sebalik berita gembira diberikan, sewajarnya kenaikan gaji itu menjadi pemangkin pula bagi melonjakkan prestasi penjawat awam, pada masa sama mampu mencegah amalan rasuah serta ketirisan sektor awam.

Pelarasan gaji penjawat awam akan membolehkan peruntukan mencecah lebih RM10 bilion, namun kerajaan tetap menunaikan janji dan mengutamakan kebajikan penjawat awam.

Jelas sekali kerajaan berani mengambil risiko dengan pelaburan besar seperti ini sekali gus membuktikan tahap kepercayaan tinggi kerajaan terhadap penjawat awam.

Maka ihsan dan penghargaan kerajaan ini perlu dibalas sebaiknya penjawat awam dengan cara meningkatkan sumbangan dan prestasi kerja masing-masing. Ironinya, kenaikan gaji wajar memberikan kesan domino terhadap lonjakan prestasi dan kekurangan jenayah rasuah.

Peningkatan tahap prestasi kerja diharapkan ialah dari segi sikap dan tingkah laku lebih ber-

disiplin, positif, jujur dan amanah melaksanakan tugas masing-masing. Perubahan ini perlu berlaku di setiap lapisan gred jawatan dari atas hingga ke bawah kerana setiap penjawat awam ada fungsi dan peranan masing-masing.

Sebagai tulang belakang pentadbiran kerajaan, penjawat awam memikul tanggungjawab besar merealisasikan segala agenda islah dibawa Perdana Menteri dan kerajaan bagi membangun Malaysia MADANI.

## Hapus gambaran buruk penjawat awam

Perubahan tatakelola lebih positif dan telus wajar menjadi wajah baharu penjawat awam supaya dapat memaknai kenaikan gaji ini. Hapuskan gambaran buruk penjawat awam seperti culas, tidak mahu buat kerja diarahkan, berprestasi rendah, suka ponteng dan pelbagai masalah disiplin yang membelenggu penjawat awam selama ini.

Hakikatnya kenaikan gaji ini wajar menampung keperluan kos sara hidup penjawat awam apatah lagi kenaikan gaji gred rendah dilaporkan bakal mencecah sehingga 40 peratus. Tiada alasan untuk mana-mana penjawat awam terbabit dalam rasuah dan penyelewengan.

Apa yang penting ialah bijak menguruskan sumber pendapatan supaya tidak boros dan mengelak berbelanja melebihi pendapatan sehingga terpaksa berhutang atau mula terbabit dalam gejala tidak sihat seperti rasuah.

Dalam konteks ini agensi kerajaan yang banyak

terbabit dalam urusan kutipan hasil negara perlu membantu kerajaan mengutip pendapatan dengan cekap dan efisien supaya keperluan peruntukan lebih RM10 bilion dapat ditampung negara.

Hal ini penting kerana kita tidak mahu kerajaan terpaksa mengurangkan bantuan rakyat lain semata-mata hendak menampung keperluan peruntukan bayaran gaji penjawat awam.

Setiap agensi kerajaan juga perlu fokus kepada aspek pengurusan bakat strategik dengan menambah kompetensi dan kemahiran tambahan bagi membolehkan penjawat awam melaksanakan tugas dengan lebih pantas, cekap dan efisien.

Hakikatnya zaman kepintaran buatan (AI) dan internet kebendaan (IoT) ketika ini menuntut semua pekerja menggunakan peluang yang ada bagi memperkasakan setiap organisasi meraih lebih banyak pencapaian khususnya dalam memacu ekonomi dan pembangunan negara.

Justeru, peralihan sepenuhnya kepada perkhidmatan berasaskan pendigitalan bukan sahaja dapat melonjakkan prestasi jabatan kerajaan, malah dapat menangani masalah rasuah dan penyelewengan.

Ironinya, setiap penjawat awam perlu sedar gambaran kenaikan gaji ini hadir dengan amanah dan tanggungjawab besar terhadap rakyat dan negara. Penjawat awam tidak boleh menghampakan harapan sebaliknya perlu membuktikan mereka layak dan boleh memberikan sumbangan yang lebih signifikan.



Timbalan Pendaftar, Universiti Putra Malaysia (UPM)